

|             |   |             |                     |
|-------------|---|-------------|---------------------|
| Headline    | Azerien tak rasa tertekan sepanjang pengajian |             |                     |
| MediaTitle  | Mingguan Wanita                               |             |                     |
| Date        | 24 Nov 2012                                   | Language    | Malay               |
| Circulation | 135,036                                       | Readership  | 320,000             |
| Section     | NEWS  | Color       | Full Color          |
| Page No     | 102   | ArticleSize | 445 cm <sup>2</sup> |
| AdValue     | RM 3,853                                      | PR Value    | RM 11,558           |



# Azerien tak rasa tertekan sepanjang pengajian

Gadis ini memilih kursus yang diikuti ketika ini kerana minatnya dalam subjek perakaunan. Walaupun sewaktu bersekolah menengah, dia mengambil aliran sains, namun itu bukanlah penghalang untuk dirinya mencapai cita-cita yang tersemat di hati.

Menurut Azerien Jamall bt Amerry Jamall, pelajar semester ke-4, jurusan Sistem Maklumat Perakaunan, Universiti Utara Malaysia (UUM) ini, antara sebab dia memilih kursus ini juga kerana pernah mengikutinya di peringkat diploma dan mendapat keputusan yang cemerlang sepanjang pengajian tersebut.

"Saya merasakan dengan mengambil jurusan ini, saya dapat mendalami bidang akaun sekali gus dapat mencapai cita-cita saya. Sebenarnya terdapat banyak keistimewaan mempelajari jurusan Sistem Maklumat Perakaunan berbanding dengan jurusan Perakaunan Tulen.

"Jurusan ini adalah gabungan di antara Sains Komputer berserta Perakaunan Tulen. Selain mempelajari subjek akaun, saya juga mendapat ilmu dalam bidang 'programming.' Jurusan ini lebih menekankan bagaimana perakaunan dapat diaplikasikan melalui sistem maklumat. Sasaran saya pada masa hadapan ialah untuk memiliki firma perunding percukaian sendiri suatu masa nanti," kata anak kelahiran Kuala Kangsar, Perak ini.

Walaupun bidang pengajian yang diikuti memerlukan perhatian yang sepenuhnya, namun gadis berusia 24 tahun ini berkata dia tidak tertekan malah sepanjang tempoh menuntut di universiti, waktu-waktu yang dilalui adalah yang paling menggembirakan.

"Di universiti tidak peraturan yang terlampau ketat berbanding semasa di sekolah. Saya dapat belajar hidup berdikari, bergembira serta belajar tidak mengira waktu bersama rakan-rakan.

"Selain itu, mendapat keputusan yang agak cemerlang juga merupakan kepuasan bagi saya kerana dapat melihat ibu bapa saya tersenyum bangga memandangkan saya adalah anak sulung mereka."

Cerita Azerien lagi, ibu bapa, dan semua ahli keluarganya tidak pernah berhenti menyokong apa sahaja keputusan

yang dilakukan berkenaan dengan pelajaran dan masa hadapan.

"Selain itu pencyarah-pencyarah juga sentiasa memberi semangat supaya tidak putus asa terhadap jurusan yang saya ceburi kerana tidak ramai yang mampu untuk menghabiskan jurusan ini mengikut masa yang ditetapkan disebabkan oleh kekangan-kekangan yang ada.

"Saya juga amat berterima kasih dengan sokongan sahabat-sahabat terbaik saya yang masih kekal bersama saya mengharungi cabaran dari zaman persekolahan hinggalah hari ini,"ungkapnya.

## Buka kedai dobi

Kesibukan belajar tidak pernah menghalang Azerien untuk aktif dalam aktiviti luar. Dia amat bersyukur kerana mempunyai kawan-kawan yang sangat aktif sepanjang berada di universiti.

"Sejak belajar di peringkat diploma, saya telah menjadi pengerusi bagi Kelab Fakulti Sistem Maklumat Perakaunan,



Rakan-rakan sekampus memberi semangat dan dorongan untuk melakukan yang terbaik sepanjang pengajian.



Keluarga sentiasa menyokong segala keputusan yang dilakukan.



Azerien gemar aktiviti-aktiviti luar yang memberi pengalaman berharga dalam hidup.

wakil fakulti di dalam Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan juga memegang jawatan bagi beberapa persatuan yang lain.

"Semasa menyambung pengajian di peringkat ijazah pula, saya telah menjadi pengerusi bagi Kumpulan Ko-kurikulum dalam bidang kepimpinan. Saya telah mengelola lebih daripada 20 aktiviti termasuklah lawatan ke rumah anak-anak yatim, kursus dan kem kepimpinan, makan malam tahunan, mesyuarat agung kelab dan persatuan, sukan universiti dan lain-lain lagi.

"Saya juga amat meminati bidang perniagaan dan kerana minat juga, saya telah membuka sebuah kedai dobi di Sri Damansara yang sedang diuruskan oleh bapa saya. Sepanjang berada di universiti juga, saya banyak melakukan urus niaga dengan membekalkan barang-barang seperti baju, cenderamata, dan lain-lain kepada kolej, kelab dan persatuan,"katanya penuh semangat.

Bagi Azerien, pelajar perlu terlibat dalam kegiatan luar yang tidak berkait langsung dengan pengajian kerana pendidikan dan pengalaman bukanlah sekadar di tempat pengajian.

"Menjadi katak bawah tempurung tidak dapat menjamin masa depan jika kita tidak pandai mendedahkan diri dengan kegiatan sihat di luar sana. Apabila kita banyak terlibat dengan kegiatan luar, secara tak langsung ia akan membuka minda kita untuk mengetahui tentang apa yang berlaku di luar selain di tempat pengajian,"ulasnya. ■